

Peniaga di Melaka sangat mematuhi PKP

April 16, 2020 Ditulis oleh Media Baharu



JASIN, 16 April - Hanya sembilan premis dikompaun Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Melaka, daripada hampir 800 premis yang diperiksa sejak 18 Mac lalu.

Ia membuktikan kadar pematuhan peniaga terhadap PKP di negeri itu berada di tahap yang tinggi.

Menurut Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP Melaka, Muhammad Aizudin Mohd Said, antara kesalahan termasuk menjual barang kawalan penutup hidung dan mulut melebihi harga ditetapkan, selain kesalahan tidak meletakkan tanda harga dan alat timbang tidak disahkan.

Beliau menjadi tetamu rancangan Selamat Pagi Malaysia di TV1.

<https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/17624-peniaga-di-melaka-sangat-mematuhi-pkp>